

From: Hafizoh Md Aris
Sent: Tuesday, 18 April, 2023 3:22 PM
To: MANIYAMMAI A/P KUMARESEN (KPDN-HQ)
Cc: DR. ROSBI BINTI ABD.RAHMAN (KPDN-HQ); ARUNAN KUMARAN (KPDN-HQ); marina@ssm.com.my; Noor Fazlyna Mohammed Fawadzan (CCSD); NURDIYANA AMIRAH BINTI AHMAD (KPDN-HQ); Mohammed Alamin Rehan; Wan Fazlin Nadia Wan Osman; Edward Binty; Norhasimah Ibrahim; Mohd Khairil Anuar Amir Hamzah; Lee Wan Swanee; NCS T4; Nor Halisa Mohamad Halil
Subject: RE: PENGESAHAN PERUNTUKAN UNTUK MELAKSANAKAN KAJIAN OLEH PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) SABAH
Attachments: Carta Perbatuan SAB SABAH 2023.xlsx

Salam Sejahtera,

Puan,

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman puan, pihak MPC tiada halangan dan akan meneruskan kajian semakan semula peraturan pendaftaran perniagaan untuk memudahkan urusan menjalankan perniagaan di Sabah.
3. Sehubungan itu, MPC Sabah telah diminta untuk melaksanakan kajian ini seperti yang telah dibincangkan dan dipersetujui sebelum ini. MPC Sabah juga akan mengadakan sesi libat urus bersama-sama semua pihak yang akan terlibat dalam kajian tersebut.
4. Bersama-sama juga ini disertakan pelan perancangan pelaksanaan projek untuk rujukan dan makluman pihak puan.

Terima kasih.

From: MANIYAMMAI A/P KUMARESEN (KPDN-HQ) <mani@kpdn.gov.my>
Sent: Friday, April 14, 2023 9:42 AM
To: Hafizoh Md Aris <hafizoh@mpc.gov.my>
Cc: DR. ROSBI BINTI ABD.RAHMAN (KPDN-HQ) <rosbi@kpdn.gov.my>; ARUNAN KUMARAN (KPDN-HQ) <arunan@kpdn.gov.my>; marina@ssm.com.my; Noor Fazlyna Mohammed Fawadzan (CCSD) <fazlyna@ssm.com.my>; NURDIYANA AMIRAH BINTI AHMAD (KPDN-HQ) <diyanaamirah@kpdnhep.gov.my>
Subject: PENGESAHAN PERUNTUKAN UNTUK MELAKSANAKAN KAJIAN OLEH PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) SABAH

Salam Sejahtera

PENGESAHAN PERUNTUKAN UNTUK MELAKSANAKAN KAJIAN OLEH PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) SABAH

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana pihak puan sedia maklum, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) terlibat untuk menyelaras Strategi B1: Mencergaskan semula aktiviti ekonomi di bawah Bab 7: Memperkukuh Pembangunan Sosioekonomi di Sabah dan Sarawak bagi Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe12) bagi tindakan mengkaji semula dan memperbaharui

peraturan pendaftaran perniagaan untuk memudahkan urusan menjalankan perniagaan di Sabah dan Sarawak.

3. Justeru itu, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah dipohon untuk menjalankan kajian bagi strategi tersebut (berdasarkan permohonan terdahulu daripada Kementerian Ekonomi). Susulan dengan itu, MPC Sarawak telah melengkapkan kajian tersebut dan KPDN telah memanjangkan hasil kajian tersebut kepada Bahagian Hal Ehwal Sabah Sarawak (BHESS), Jabatan Perdana Menteri (JPM) memandangkan pelaksanaan hasil kajian menjurus kepada tindakan penyelarasan di Negeri Sarawak dan melibatkan koordinasi beberapa Kementerian dan Agensi lain termasuklah Kementerian Kewangan (pindaan ordinan) dan Kerajaan Negeri Sarawak.

4. Manakala, bagi kajian yang melibatkan negeri Sabah, MPC Sabah telah memulakan persediaan awal bagi pelaksanaan kajian tersebut. Namun, MPC Sabah telah menangguhkan pelaksanaan kajian atas sebab **tiada peruntukan bagi pelaksanaan bengkel-bengkel** bagi kajian tersebut. Susulan dengan itu, perkara ini telah dibangkitkan semasa mesyuarat Inter Agency Planning Group (IAPG) Kajian Separuh Penggal RMK 12 bagi sektor perkhidmatan pada 28 Februari 2023 kepada Kementerian Ekonomi. Semasa mesyuarat tersebut, Pengarah, Pembangunan Produktiviti & Daya Saing MPC telah memaklumkan bahawa **MPC sedia untuk menyalurkan peruntukan yang terlibat bagi meneruskan kajian tersebut oleh MPC Sabah pada tahun 2023**. Justeru itu, mohon kerjasama dari pihak puan untuk mengesahkan perkara ini dan memaklumkan status terkini pelaksanaan kajian di Sabah untuk tindakan selanjutnya.

Kerjasama dan perhatian puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

" MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

Maniyammai Kumaresen
Bahagian Dasar, Perancangan Strategik dan Antarabangsa
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
Tel : 03 88826208
Faks : 03 88826953

Peringatan

Pengguna Perkhidmatan MyGovUC 2.0 adalah bertanggungjawab melindungi kerahsiaan data/maklumat Rahsia Rasmi Kerajaan. Adalah diingatkan agar pengguna sentiasa peka dengan SEMUA peraturan, arahan keselamatan dan pekeliling semasa yang berkuatkuasa bagi semua pengendalian data/maklumat Rahsia Rasmi Kerajaan yang berkaitan.